



Australian Government

Menentang Islamofobia

Maklum balas Kerajaan Australia kepada Maklum Balas Utusan Khas Kebangsaan terhadap Islamofobia

“Kebencian dan keganasan tiada bertempat di Australia. Kami akan melakukan segala-galanya untuk menghapuskan Islamofobia.”

- Orang Muslim Australia telah lama memberikan sumbangan berterusan kepada kehidupan sosial, ekonomi dan budaya Australia. Umat Islam telah hadir di Australia sejak sebelum penempatan pihak Eropah.
- Masyarakat Islam telah memberikan sumbangan yang tidak dapat dinafikan kepada Australia. Walau bagaimanapun, orang Muslim Australia sentiasa mengalami prasangka dan kecurigaan yang disebabkan oleh ketakutan, maklumat yang salah dan bias sejarah.
- Kebencian anti-Muslim melemahkan perpaduan sosial dan membahayakan seluruh masyarakat.

Maklum balas Kerajaan Australia

- Kerajaan Australia mengucapkan terima kasih kepada Utusan Khas Australia untuk Memerangi Islamofobia, Encik Aftab Malik, diatas laporannya, *Maklum balas Nasional terhadap Islamofobia: Rangka Kerja Strategik untuk Keterangan, Keselamatan dan Kemakmuran (Maklum Balas Nasional terhadap Islamofobia)*. Kerajaan juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Malik atas usaha berterusan beliau untuk menghapuskan Islamophobia di Australia.
- Kerajaan bertindak balas terhadap cadangan tersebut melalui pakej menyeluruh langkah-langkah baru pihak kerajaan. Langkah-langkah ini berdasarkan kerja tersedia yang merentasi kerajaan untuk menangani islamofobia dan kebencian anti-Islam.
- Selaras dengan 4 tema utama dalam Maklum balas Nasional Utusan Khas terhadap Islamofobia, kerajaan akan melaksanakan perkara berikut:

Pendidikan dan kesedaran

- menubuhkan Pasukan Petugas Pendidikan Islamofobia dan Majlis Penasihat Pendidikan Kohesion Sosial yang berterusan
- mengkaji Kurikulum Australia untuk mengenal pasti peluang untuk mengukuhkan toleransi kaum dan agama
- membangunkan Rangka Kerja Kesatuan Sosial untuk sekolah
- menubuhkan sebuah institut penyelidikan mengenai urusan orang Islam Australia
- membangunkan sumber latihan dan pembangunan profesional untuk ahli parlimen, Perkhidmatan Awam Australia, dan penguatkuasaan undang-undang, keadilan dan profesional undang-undang.

Perlindungan dan sokongan

- menyediakan dana yang disasarkan untuk Rangkaian Kesihatan Utama untuk menyokong organisasi masyarakat Islam untuk membantu inisiatif kesejahteraan dan ketahanan
- menyediakan bantuan untuk menyokong penyertaan, kepimpinan dan pembinaan kapasiti bagi wanita Islam, belia dan organisasi Islam.

Membina perpaduan sosial

- menyediakan bantuan untuk menyokong acara sukan, acara hubungan komuniti dan lintas budaya, karya kreatif, dan inisiatif pendidikan.

Akauntabiliti dan tanggungjawab

- mengembangkan pasukan Penghubung Komuniti Polis Persekutuan Australia (AFP), termasuk penubuhan portal komunikasi
 - menubuhkan Lembaga Perundingan Kohesion Sosial AFP, untuk mengukuhkan kepercayaan, akauntabiliti dan tindak balas bermaklumat masyarakat terhadap jenayah kebencian dan cabaran kohesi sosial, termasuk Islamophobia.
- Pakej langkah-langkah baru ini adalah sebahagian daripada usaha jangka panjang yang berterusan untuk menangani Islamofobia yang memajukan pelbagai cadangan. Kerajaan Australia akan terus mengusahakan cadangan-cadangan yang selebihnya bersama-sama Duta Khas dan komuniti Muslim Australia.

Semua orang boleh membantu

- Menangani Islamofobia adalah tanggungjawab negara bersama.
- Sekiranya anda mengalami atau menyaksikan kebencian, perkauman atau **prasangka, bangkit; bersuara; dan laporkannya**. Apabila anda melaporkannya, anda boleh membantu menghentikan tingkah laku daripada berterusan atau berkembang. Anda juga menjadi sebahagian daripada gerakan yang lebih besar untuk menghilangkan kebencian, perkauman dan prasangka dari masyarakat kita.
- Dalam keadaan kecemasan atau mengancam nyawa, hubungi Triple Zero (000) dan minta bercakap dengan Polis. Sekiranya tidak ada bahaya segera, hubungi Talian Bantuan Polis (131 444) atau laporkan tanpa nama melalui Crime Stoppers (1800 333 000).
- Melaporkan kebencian membolehkan pihak berkuasa memahami corak tingkah laku di kawasan tempatan, supaya mereka dapat mewujudkan komuniti yang lebih selamat untuk semua orang. Maklumat lanjut mengenai laporan jenayah kebencian atau kejadian boleh didapati di laman web Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri, bersama-sama dengan maklumat hubungan untuk perkhidmatan sokongan bagi mereka yang disasarkan: [Menangani kebencian](#).
- Jika anda telah menyaksikan atau mengesyaki jenayah kebencian, hubungi Hotline Keselamatan Negara 24 jam di 1800 123 400.

Perkhidmatan sokongan

- Peristiwa dan/atau pengalaman traumatik boleh menyebabkan tekanan psikologi yang ketara; adalah penting untuk berhubung dengan sokongan apabila diperlukan. Sekiranya anda mengalami kebimbangan, anda boleh mendapatkan nasihat melalui Lifeline pada 13 11 14, teks di 0477 13 11 14, atau melalui perkhidmatan sembang krisis dalam talian mereka pada bila-bila masa di [Lifeline Crisis Chat](#).

‘Setiap rakyat Australia, tanpa mengira bangsa atau agama, sepatutnya dapat merasa selamat, dialu-alukan dan disertakan di Australia, tanpa prejudis atau diskriminasi.’